



Portfolio, Bidang Tugas dan Tanggungjawab

Majlis Tertinggi Mahasiswa,
Kolej Pendeta Za'ba
Universiti Putra Malaysia

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PRESIDEN

- Menjaga kebajikan hal ehwal pelajar kolejat Kolej Pendeta Za'ba
- Menjadi wakil kolejat Kolej Kolej Pendeta Za'ba dalam setiap mesyuarat di peringkat universiti.
- **Mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Pendeta Za'ba.**
- Penasihat dan perancang kepada semua aktiviti berpusat yang dikendalikan oleh Timbalan Presiden I, dan Timbalan Presiden II.
- Melaporkan setiap maklumat dan keputusan mesyuarat kepada Pihak Pengurusan kolej.
- Menjaga dan memastikan pengurusan serta sistem kerja Majlis Tertinggi Mahasiswa berjalan dengan lancar dan teratur.
- Bertanggungjawab menjalankan tugas lain yang diterima dari semasa ke semasa dari Pihak Pengurusan Kolej.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TIMBALAN PRESIDEN I DAN TIMBALAN PRESIDEN II

- Membantu Presiden dalam mentadbir urus perihal pengurusan Majlis Tertinggi Mahasiswa.
- Penasihat kepada aktiviti dalaman peringkat sekretariat Majlis Tertinggi Mahasiswa.
- Menjaga kebajikan hal ehwal pelajar Kolej Pendeta Za'ba .
- Menjadi pemangku presiden sekiranya perlu.
- **Menjadi pengerusi mesyuarat sekiranya perlu.**
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SETIAUSAHA I DAN SETIAUSAHA II

- Bertanggungjawab dalam setiap urusan surat menyurat, dokumen-dokumen, fail-fail dan buku yang berkaitan.
- Mencatat serta menyediakan agenda dan minit mesyuarat Majlis Tertinggi Mahasiswa, Kolej Pendeta Za'ba.
- Merekodkan segala surat menyurat, minit mesyuarat dan dokumen secara tersusun
- Memantau setiap laporan aktiviti yang dijalankan oleh setiap sekretariat sebelum dihantar ke pihak pengurusan dan BHEP.
- Menjaga dan mengawal selia bilik MTM.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BENDAHARI

- Bertanggungjawab ke atas kesempurnaan perjalanan kewangan Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Pendeta Za'ba.
- Bertanggungjawab menyimpan akaun wang keluar masuk Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Pendeta Za'ba dan menyimpan rekod yang dikemaskini.
- Mengusahakan dan mempelbagaikan sumber kewangan Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Pendeta Za'ba.
- Mengawal Pengeluaran kewangan Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Pendeta Za'ba.
- Mendapatkan sumber kewangan dan penajaan untuk menampung aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Pendeta Za'ba.
- Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan kepada pengurusan Kolej Pendeta Za'ba.
- Menyediakan dan membentangkan laporan kewangan MTM dan aktiviti dalam Mesyuarat Pengurusan Kolej Pendeta Za'ba.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA BLOK

- Mepengerusikan setiap mesyuarat blok.
- Bertanggungjawab dalam menyelaras dan menyelia setiap AJK di bawahnya.
- Menguruskan hal ehwal berkaitan penghuni blok.
- Mendapatkan keputusan AJK blok untuk dibawa kepada Jawatankuasa MTM.
- Menjadi penyampai maklumat dan agenda terkini kepada penghuni blok.
- Berfungsi menarik penyertaan penghuni blok untuk setiap program dan aktiviti yang dianjurkan oleh kolej/luar.
- Melaporkan segala kemalangan atau kerosakan yang berlaku di blok kepada pihak Pengurusan kolej.
- Melaporkan penghuni yang tidak berdaftar atau tidak sah yang menginap di kolej kepada pihak pengurusan.
- Memastikan tiada pembaziran elektrik dan air di blok serta mengekalkan kebersihan blok.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO SUKAN DAN REKREASI

- Merancang dan melaksana aktiviti pembangunan sahsiah warga kolegiat dalam bidang sukan dan rekreasi.
- Menyertai pertandingan anjuran UPM/luar.
- Menguruskan dan menjaga kebajikan pasukan-pasukan serta ahli-ahli sukan Kolej Pendeta Za'ba semasa latihan, perlawanan, pertandingan dan menguruskan minuman dan makanan semasa pertandingan.
- Menjaga kemudahan sukan yang terdapat di Kolej Pendeta Za'ba seperti bilik gimnasium dan gelanggang di samping dapat menambah dana exco melalui kemudahan yang ada seperti basikal kolej.
- Menyediakan laporan dan belanjawan bagi setiap aktiviti exco dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Meningkatkan nama Kolej Pendeta Za'ba melalui sukan dan rekreasi di peringkat UPM.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO ICT DAN MULTIMEDIA

- Merancang dan melaksana aktiviti berkaitan penerbitan dan teknologi maklumat.
- Bertanggungjawab di dalam hal ehwal penerbitan kolej seperti majalah dan Buletin Kolej.
- Membantu pihak pengurusan kolej mengemaskini Laman Web Kolej dengan mengemukakan gambar dan info terkini berkaitan MTM dan aktiviti pelajar.
- Menyediakan laporan dan belanjawan bagi setiap aktiviti exco dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO ALUMNI DAN PERHUBUNGAN LUAR

- Bertanggungjawab mengemaskini data alumni Kolej Pendeta Za'ba.
- Menubuhkan kelab Alumni Kolej Pendeta Za'ba.
- Kedua dan memperkasakan penglibatan alumni dalam Kelab Alumni Kolej Pendeta Za'ba.
- Menggalakkan penyertaan pelajar dalam program inovasi dan kreatif anjuran kolej, universiti dan luar.
- Berusaha menghubungkan graduan Kolej Pendeta Za'ba dengan pihak Alumni Kolej Pendeta Za'ba yang mempunyai syarikat untuk peluang pekerjaan.
- Bertanggungjawab mencari, menyebarkan maklumat kerjaya kepada kolegiat Kolej Pendeta Za'ba.
- Menyediakan laporan dan belanjawan bagi setiap aktiviti exco dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO AKADEMIK

- Bertanggungjawab dalam menyelaras maklumat pencapaian akademik setiap pelajar Kolej Pendeta Za'ba.
- Bertanggungjawab untuk mengurus, menyelaras serta memantau program-program akademik yang dianjurkan oleh kolej/luar.
- Melahirkan kolegiat yang mengambil berat tentang akademik dan sekurang-kurangnya memperoleh CGPA 3.0 dan ke atas.
- Menyediakan laporan dan belanjawan bagi setiap aktiviti exco dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

- Merancang serta melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan kebudayaan secara sistematik dan sempurna.
- Menerapkan nilai-nilai seni serta budaya sebagai satu asas perpaduan di kalangan kolegiat Kolej Pendeta Za'ba .
- Menyertai pertandingan kebudayaan anjuran UPM/luar.
- Menubuhkan pasukan kebudayaan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai 'trade-mark' dan menaikkan nama Kolej Pendeta Za'ba.
- Mencungkil bakat-bakat baru yang berpotensi untuk digarap dan diketengahkan.
- Menaikkan nama Kolej Pendeta Za'ba melalui aktiviti kebudayaan yang diadakan sama ada peringkat interkolej/UPM/luar.
- Menyediakan laporan dan belanjawan bagi setiap aktiviti exco dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO KEUSAHAWANAN & KERJAYA

- Menerapkan elemen keusahawanan yang merupakan salah satu elemen kemahiran insaniah ke dalam diri setiap kolegiat dipraktikkan.
- Mengurus tadbir Kiosk Kolej Pendeta Za'ba Kedua dan memperbanyakkan lagi jualan bagi menambah keuntungan.
- Bertanggungjawab dalam menyelaras perancangan dan strategi memperoleh dana kewangan MTM Kolej Pendeta Za'ba.
- **Menyediakan laporan kewangan dan belanjawan KIOSK dan aktiviti keusahawanan dan membentangkan dalam mesyuarat pengurusan.**
- Menyelaras penyertaan aktiviti keusahawanan peringkat kolej dan universiti/luar.
- Menghubungkan kolegiat dengan syarikat korporat usahawan yang berjaya untuk memberi ilmu tentang keusahawanan dengan lebih mendalam dan juga peluang kerjaya.
- Menjadi medium sumber informasi tentang kerjaya kepada kolegiat Kolej Pendeta Za'ba
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO KEROHANIAN DAN PEMBANGUNAN INSANIAH

- Menyediakan program-program yang berteraskan sahsiah, insaniah dan kerohanian.
- Memastikan kebajikan hal ehwal pembangunan sahsiah dan insaniah warga kolej terjaga.
- Menghebahkan setiap aktiviti harian, aktiviti surau dan aktiviti pembangunan sahsiah dan insaniah kepada warga kolej.
- Menyediakan laporan dan belanjawan bagi setiap aktiviti exco dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Bertanggungjawab dalam menjaga dan menguruskan hal-ehwal surau kolej.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO KESELAMATAN

- Bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan dan kebajikan warga kolej dan kemudahan Kolej Pendeta Za'ba.
- Mengambil berat tentang aduan yang diterima berkenaan dengan keselamatan dan kebajikan di kolej.
- Memastikan persekitaraan di kolej sentiasa berada dalam keadaan selamat dan kondusif.
- Menyediakan jadual tugas rondaan keselamatan kolej (mingguan/bulanan).
- Memastikan lampu, *aircond* dan pintu dewan, surau dan bilik-bilik aktiviti pelajar ditutup dan dikunci pada jam 12 malam.
- Melaporkan penghuni yang tidak berdaftar atau tidak sah yang menginap di kolej kepada pihak pengurusan.
- Membantu pihak pengurusan kolej mengadakan Latihan Pengungsian Bangunan Untuk kecemasan (*Firedrill*) sekali setahun dalam tahun yang dilantik.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO SUKARELAWAN DAN KAMPUS HIJAU

- Merancang aktiviti yang memupuk semangat sukarelawan dan kampus hijau di kalangan warga Kolej Pendeta Za'ba.
- Meneruskan kempen KPZ Green College (*Earth Hour*) yang telah diadakan pada semester lepas.
- Mengadakan kutipan barangan kitar semula dan menjual hasil barangan kitar semula di kaunter jualan kitar semula yang terdekat.
- Menyediakan laporan dan belanjawan bagi setiap aktiviti exco dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.

BIDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB EXCO PERPADUAN DAN INTERGRASI

- Mewujudkan intergrasi dan perpaduan di kalangan warga Kolej Pendeta Za'ba.
- Mengajukan aktiviti berkaitan perpaduan dan intergrasi seperti seminar, konferens, bengkel, pameran dan lain-lain.
- Mendapatkan kolaborasi pihak dalam UPM dan luar berkaitan perpaduan, intergrasi.
- Melaporkan keputusan mesyuarat dalaman dan luaran berkaitan kempen integrasi dan perpaduan.
- Menyediakan laporan aktiviti dan program untuk dimuatkan di media dan lain-lain.
- Menyediakan laporan dan belanjawan bagi setiap aktiviti exco dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- Bertanggungjawab menjaga dan mengekalkan imej Kolej Pendeta Za'ba dan warganya.